

FORUM KEEP IT REAL: TRUTH AND TRUST IN THE MEDIA

Pertubuhan berita bekerjasama tangani berita palsu

PERTUBUHAN berita di rantau ini akan menyediakan senarai pemeriksaan, atau *checklist*, bagi membantu wartawan dan pembaca mengenal pasti berita palsu.

Anggota Rangkaian Berita Asia (ANN) – ikatan serantau yang dibentuk 22 pertubuhan media – juga akan berkongsi senarai laman web yang kerap menerbitkan maklumat salah di negara masing-masing.

Setiap anggota juga akan berkongsi laporan yang dihasilkan untuk menyangkal berita palsu.

Selain itu, anggota ANN akan bekerjasama untuk memeriksa maklumat yang disangsi kesahihannya dengan anggota yang berpangkalan di negara sumber maklumat itu.

Saranan-saranan itu antara yang ditimbulkan di akhir persidangan *Keep it Real: Truth and Trust in the*

Media (Kekalkan Kebenaran dan Saling Percaya dalam Media) kelmarin.

Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama oleh akhbar *The Straits Times* dan Pertubuhan Suratkhabar dan Penerbit Berita Sedunia Wan-I-Ira.

ia berlangsung di bangunan baru Sekolah Undang-Undang Universiti Pengurusan Singapura (SMU) di Armeanian Street.

Merumuskan persidangan itu, Ketua Editor Media Inggeris, Melayu dan Tamil (EMTM) Singapore Press Holdings merangkap Editor *The Straits Times*, Encik Warren Fernandez, berkata pertubuhan media perlu bertekad untuk setia pada misi menawarkan berita bertanggungjawab dan boleh dipercayai, dalam menentang penyebaran maklumat kurang tepat atau palsu.

“Kepercayaan adalah sesuatu yang perlu kita peroleh setiap kali dan tidak boleh diambil mudah,” kata Encik Fernandez, sambil menggesa pertubuhan berita menjadi lebih proaktif dalam menimbun kandungan yang kurang boleh dipercayai dan berkongsi laporan yang menyangkal sesuatu berita kurang tepat.

Pengarah Wan-Ira (Asia), Encik Gilles Dempston, berkata: “Penularan meluas berita palsu di wadah digital ialah peluang bagi penerbitan bermutu menonjolkan diri sendiri dan menunjukkan nilai kewartawanan sebenar.”

“Namun, apa yang kita dapati daripada persidangan ini ialah pendekatan berbilang pihak berkepentingan, melibatkan syarikat teknologi, rangkaian media sosial, pertubuhan



BINCANG ISU BERITA PALSU: Sidang dua hari itu turut melibatkan sesi forum yang dipengerusikan Encik Warren Fernandez (paling kiri) dan disertai (dari kiri) Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Rappler (Filipina), Cik Maria A. Ressa; Editor Pengurusan (Operasi dan Strategi Berita, Asia) Reuters, Encik Jason Subler; dan Profesor Madya, Sekolah Undang-Undang SMU Eugene Tan. – Foto THE STRAITS TIMES

media, agensi pemerintah dan masyarakat yang bersatu memerangi penyebaran maklumat salah secara senjaja.”

Peranan yang boleh didukung pemerintah dalam memerangi berita palsu juga dibincangkan.

Profesor Madya Eugene Tan, dari

pada Sekolah Undang-Undang SMU, berkata beliau dan kumpulan perbincangannya berasa waspada menyerahkan seluruh kuasa penguatkuasaan ke atas berita palsu kepada pemerintah kerana “pemerintah juga, atas beberapa sebab, boleh menghasilkan berita palsu”.

Beliau mencadangkan agar badan

bebas ditubuhkan untuk melaksan penguatkuasaan ini.

Hampir 200 penulis dasar, pekerja industri media dan pakar teknologi berhimpun di persidangan itu untuk mengupas masalah penyebaran maklumat palsu dan meneroka cara terbaik memerangi masalah ini di rantau ini.